

BAB SATU

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Peranan wanita dalam pelbagai aspek amat penting kerana seseorang wanita mampu menentukan keharmonian rumahtangga, masyarakat dan negara. Namun begitu, perubahan zaman turut memberi impak terhadap peranan dan tanggungjawab wanita kerana tugas mereka sekarang tidak hanya tertumpu pada urusan rumahtangga semata-mata.¹ Kebanyakan wanita hari ini mempunyai kerjaya yang mantap hasil dari pendidikan tinggi yang mereka perolehi serta kerajinan yang ditunjukkan oleh wanita itu sendiri.² Di Malaysia contohnya, hampir 50% penduduknya adalah terdiri dari kaum wanita yang memonopoli kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan dan pekerjaan.³ Berdasarkan situasi tersebut, penulis berminat untuk membuat kajian dengan lebih mendalam bagi menilai kefahaman masyarakat tentang kebebasan wanita dari aspek kerjaya.

Bab ini merupakan bab permulaan kepada kajian penulis. Ia mengandungi lapan bahagian yang bermula dengan latar belakang masalah kajian, huraian istilah, objektif dan tujuan penyelidikan, skop kajian, metodologi penyelidikan, hipotesis, kajian terdahulu serta masalah kajian.

¹ Prof. Dr. Sharifah Barlian Aidid (1997), "Peranan Baru Kaum Wanita Dalam Era Teknologi Maklumat", *Kertas Kerja Seminar Wanita dan Teknologi Maklumat*. Kerajaan Negeri Selangor dan Perkembangan Minda, 12 November 1997, hal. 1.

² Dr. Zaleha Kamaruddin (1997), "Emansipasi Wanita: Kontradiksi Antara Islam dan Barat", *Kertas Kerja Seminar Penghayatan Fiqh Wanita*, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, 15 dan 16 November 1997, hal. 24.

³ *Rancangan Malaysia Ketujuh* (1996), Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, hal. 664; lihat juga *Berita Harian*, "Wanita dan Keluarga", Sabtu, 25 Ogos 2001, hal. 1.

1.2 LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Persoalan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kefahaman kakitangan Muslim terhadap kebebasan wanita dari aspek kerjaya. Pada dasarnya persoalan ini timbul⁴ ekoran daripada meningkatnya bilangan kaum wanita yang berkecimpung dalam pelbagai lapangan pekerjaan di luar rumah. Lantaran itu ia menuntut kefahaman yang jelas bukan sahaja kepada diri wanita itu sendiri tetapi juga di kalangan masyarakat umum tentang sejauh mana had kebebasan yang perlu ada bagi seseorang wanita yang berkerjaya.

Tidak dinafikan kebebasan yang melampau bagi seorang wanita bekerja boleh membawa kesan negatif. Antaranya pengabaian terhadap anak-anak dan rumahtangga, pergaulan bebas dengan lelaki yang bukan *muhrim*, pertelingkahan antara suami isteri, keruntuhan rumahtangga dan sebagainya. Memandangkan kesan-kesan tersebut boleh menggugat ketenteraman hidup dan keharmonian berkeluarga dan bermasyarakat, maka kefahaman masyarakat Islam amat penting dalam soal kebebasan wanita bekerja dengan menjadikan syariat Islam sebagai panduan. Inilah yang menjadi persoalan utama kajian penulis.

Di sini penilaian akan dibuat berdasarkan kepada kajian lapangan di mana penulis telah memilih Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan sebagai tempat kajian. Penulis memilih jabatan tersebut memandangkan majoriti kakitangannya adalah beragama Islam. Selain itu mereka juga sering terlibat dengan kerja-kerja di luar kawasan (*out station*) yang memungkinkan berlakunya pergaulan yang bebas antara pekerja lelaki dan wanita sekiranya mereka gagal

memahami syarat dan had kebebasan wanita yang bekerja. Untuk menyokong penyelidikan ini, soal selidik akan diedarkan kepada kakitangan Muslim jabatan tersebut dengan anggaran responden seramai 300 orang.

Di sini penulis memaparkan serba ringkas mengenai Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Jabatan Audit Negara.

1.2.1 Sejarah Wilayah Persekutuan Putrajaya

Putrajaya merupakan sebuah bandaraya yang dikhususkan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Ia dibangunkan sebagai sebuah bandaraya yang serba moden di alaf baru ini. Putrajaya mewakili era baru Malaysia sebagai sebuah wilayah yang progresif dan komited yang dibangunkan melalui perancangan rapi dan teliti. Dengan keluasan sehingga 4581 hektar, Putrajaya dimajukan dengan serba moden, canggih dan dilengkapi teknologi rangkaian siber.⁴

Pelan induk Putrajaya memperlihatkan ciri-ciri terbaik dalam perancangan bandar, senibina dan lanskap. Konsep pembangunan Putrajaya adalah berdasarkan kepada prinsip hubungan tiga hala iaitu hubungan manusia dengan Pencipta, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam persekitarannya. Sesuai dengan temanya sebagai sebuah "Bandaraya Dalam Taman", tujuh puluh peratus daripada kawasan Putrajaya telah dirancang bagi diliputi oleh kehijauan pepohon, keindahan taman-taman bunga dan rekreasi, taman-taman air,

⁴ *Putrajaya Wetlands* (1999). Putrajaya: Perbadanan Putrajaya dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 13-14; lihat juga *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 12, Januari 2001, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 2.

tasik serta wetlands. Ia meliputi pembangunan menyeluruh dari peringkat perancangan hingga kepada perlaksanaannya. Boleh dikatakan pembangunan Putrajaya adalah merupakan suatu usaha pembangunan yang menterjemahkan visi kepimpinan utama negara bagi mewujudkan sebuah bandaraya baru.⁵

;

Dua buah organisasi terpenting yang bertanggungjawab menjayakan pembangunan Putrajaya ialah Perbadanan Putrajaya dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Perbadanan Putrajaya telah ditubuhkan khas di bawah suatu Akta Parlimen pada 1 Mac 1996 yang memberikannya mandat untuk melaksanakan semua keputusan eksekutif yang berkaitan dengan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Malaysia dan berfungsi sebagai pihak berkuasa tempatan untuk Putrajaya. Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. pula telah ditubuhkan pada 19 Oktober 1995 untuk berperanan dan berfungsi sebagai pemaju utama untuk projek bandaraya Putrajaya.⁶

Putrajaya merupakan suatu mercu tanda kebanggaan rakyat Malaysia. Bangunan-bangunan yang serba indah dan infrastruktur yang mengkagumkan jelas membuktikan keunggulannya. Selain menempatkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya turut dilengkapi dengan kawasan kediaman dan kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, sekolah bestari dan pusat pembelajaran, klinik kesihatan, hospital, balai polis, balai bomba dan penyelamat,

⁵ *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 3, Oktober 1998, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 2; lihat juga *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 10, Julai 2000, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 2.

⁶ *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 11, Oktober 2000, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 2.

dewan-dewan kemasyarakatan dan pusat-pusat sukan dan rekreasi bagi memantapkan kehidupan para penghuninya.⁷

Tanggal 1 Februari 2001 mencatatkan satu lagi sejarah dalam pembangunan Putrajaya apabila ia dengan rasminya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan yang ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan. Perisytiharan yang bersejarah tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bertempat di Dataran Perdana berhadapan bangunan Perdana Putra, Putrajaya.⁸

Dengan kejayaan pelaksanaan *IT* yang berdasarkan satu Pelan Induk yang menyeluruh, Putrajaya akan menjadi satu model pembangunan bandaraya bestari yang wujud di tengah-tengah taman. Kini Putrajaya mula menjadi sebuah bandaraya yang semakin berkembang pesat dan mendapat tempat di dalam peta dunia amnya dan Malaysia khususnya.

1.2.2 Sejarah Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan diketuai oleh Ketua Audit Negara. Beliau dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja (Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan). Anggota Jabatan Audit Negara Malaysia terdiri daripada pegawai awam Malaysia dan mereka

⁷ Risalah, Berita Putrajaya Holdings. Bil. 12, *op. cit.*, hal. 2; lihat juga *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 9, April 2000, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 2.

⁸ *Risalah, Berita Putrajaya Holdings*. Bil. 13, April 2001, Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., hal. 1.

diperturunkan kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 untuk menjalankan pengauditan.⁹

Jabatan ini beroperasi di beberapa cawangan Wilayah Persekutuan dan Negeri. Ibu pejabat Jabatan Audit Negara Malaysia bertempat di Blok D2, Aras 6-9, Parcel D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan ia terbahagi kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah Sektor Pengurusan Korporat, Pengurusan Sumber Manusia, Kewangan dan Pentadbiran Am, Penyelidikan dan Latihan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.

Jabatan Audit Negara Malaysia telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memastikan kewujudan akauntabiliti dalam pentadbiran dan pengurusan wang awam melalui pengauditan akaun dan aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan Majlis Agama Islam.¹⁰

Selain itu ia turut bertanggungjawab melaporkan penemuan audit berhubung dengan akaun dan penilaian program serta aktiviti kerajaan kepada Yang Dipertuan Agong, Raja atau Yang Dipertua Negeri. Laporan yang telah

⁹ *Perlembagaan Persekutuan* (1983), Kuala Lumpur: International Law Book Services, hal. 70-71.

¹⁰ Doh Joon Chien (1985), *Tan Sri Ahmad Noordin Kampung Boy to Auditor-General*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., hal. 65.

dibentangkan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kemudiannya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam, iaitu sebuah jawatankuasa tetap Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

1.3 HURAIAN ISTILAH

Tajuk disertasi yang akan dibahaskan oleh penulis ialah **“Kefahaman Kakitangan Muslim Terhadap Kebebasan Wanita Dari Aspek Kerjaya: Kajian di Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan”**. Sebelum penulis melanjutkan perbincangan dengan lebih mendalam, penulis terlebih dahulu ingin mengutarakan beberapa pengertian tajuk secara ringkas.

Kefahaman : Keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari (dibaca dan sebagainya).¹¹

Kakitangan : Pekerja (pejabat, syarikat dan lain-lain), pembantu (yang turut melaksanakan atau menguruskan kerja),¹² tenaga atau anggota pekerja, staf, personil, pegawai, ulas tangan, abdi, pembantu, konco.¹³

Muslim : Orang yang beriman dengan Islam.¹⁴

Terhadap : Berkenaan, mengenai atau tentang.¹⁵

Kebebasan : Perihal (keadaan) bebas.¹⁶

¹¹ Noresah bt. Baharom *et al.* (ed) (1996), *Kamus Dewan*, edisi ketiga, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 347.

¹² *Ibid.*, hal. 563.

¹³ Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hal. 768.

¹⁴ Hasan Haji Hamzah *et al.* (ed) (1997), *Kamus Ensiklopedia*, jil. 2. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd., hal. 80.

¹⁵ Noresah bt. Baharom *et al.* (ed) (1996), *op. cit.*, hal. 425.

¹⁶ *Ibid.*, hal. 120.

- Wanita : Orang perempuan,¹⁷ kaum ibu, kaum puteri,¹⁸ isteri,¹⁹ yang halus kulitnya, lemah sendi tulangnya dan berbeza susuk tubuhnya dengan kaum lelaki.²⁰
- Dari : Sendi kata yang menerangkan (menyatakan) titik atau pusat tumpuan permulaan sesuatu kegiatan (pergerakan dan lain-lain).²¹
- Aspek : Segi, sudut bahagian (untuk diberikan perhatian dan sebagainya).²²
- Kerjaya : Cara mendapatkan nafkah hidup, pekerjaan atau kerjaya,²³ penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang dalam sesuatu profesion (lapangan, pekerjaan, kegiatan dan lain-lain).²⁴

Daripada definisi-definisi yang telah diberikan, dapatlah dirumuskan bahawa tajuk kajian ini ialah untuk menilai kefahaman sebenar kakitangan Muslim terhadap isu kebebasan wanita yang berkerjaya. Antara persoalan yang akan dibincangkan dalam disertasi ini ialah:

- i. Kedudukan wanita sebelum kedatangan Islam.
- ii. Kedudukan wanita setelah kedatangan Islam.
- iii. Pandangan Islam dan Barat terhadap wanita bekerja serta perbandingannya.

¹⁷ Drs. Awang Sudjai Hairul dan Yusoff Khan (ed) (1990), *Kamus Lengkap*. Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sdn. Bhd., hal. 1229.

¹⁸ Noresah bt. Baharom *et al.* (ed) (1996), *op. cit.*, hal. 1545.

¹⁹ Dr. Rūhī al-Ba'albakī (1992), *al-Mawrid Qāmus 'Arabi- Injilīzī*, c. 4. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, hal. 169.

²⁰ K. H. Moenawwar Chalil (1977), *Nilai Wanita*, c. 3. Semarang: CV Ramadhani, hal. 11.

²¹ Noresah bt. Baharom *et al.* (ed) (1996), *op. cit.*, hal. 273.

²² *Ibid.*, hal. 69.

²³ *Kamus Dwibahasa Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris*, (1996), c. 11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 166.

²⁴ Hasan Haji Hamzah *et al.* (ed) (1997), *Kamus Ensiklopedia*, jil. 1. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd., hal. 445.

- iv. Kefahaman kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara Putrajaya terhadap kebebasan wanita bekerja.

1.4 OBJEKTIF DAN TUJUAN PENYELIDIKAN

i

Objektif penulis memilih tajuk ini sebagai bahan penyelidikan adalah berdasarkan kepada beberapa sebab. Antaranya ialah untuk:

1. Mengetahui dengan lebih mendalam pandangan Islam terhadap wanita bekerja sama ada dari segi hukum atau syarat-syaratnya.
2. Mengenal pasti sejauh mana penglibatan wanita dalam pekerjaan memberi kesan positif contohnya kepada keluarga dan masyarakat.
3. Meninjau sama ada penglibatan wanita dalam lapangan kerjaya turut membawa kesan negatif terutamanya terhadap keharmonian rumahtangga.
4. Mengkaji kefahaman kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara Putrajaya tentang kebebasan wanita berkerjaya
5. Untuk mengetahui sejauhmanakah latarbelakang responden mempengaruhi kefahaman mereka tentang kebebasan wanita dari aspek kerjaya.
6. Mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menangani masalah tersebut melalui cadangan-cadangan serta langkah-langkah yang sesuai dengan tuntutan Islam.

7. Mendapat input yang berharga dalam memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada penulis khususnya dan masyarakat umumnya terhadap isu kebebasan wanita bekerja.

1.5 SKOP KAJIAN

Di dalam disertasi ini penulis akan menumpukan kepada beberapa skop yang pada asasnya cenderung terhadap tajuk kajian ini iaitu **“Kefahaman Kakitangan Muslim Terhadap Kebebasan Wanita Dari Aspek Kerjaya: Kajian di Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan”**.

Kajian penulis pada awalnya menjurus kepada pandangan wanita secara umum meliputi kedudukan wanita sebelum dan selepas kedatangan Islam. Selain itu dibawakan juga kedudukan wanita menurut al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan Islam dan Barat terhadap wanita bekerja dan perbandingan antara keduanya. Di samping itu, tumpuan turut diberikan terhadap hukum, syarat-syarat serta batas-batas bagi seorang wanita bekerja selain faktor-faktor dan implikasinya. Penulis turut membawakan contoh-contoh penglibatan wanita dalam lapangan kerjaya pada zaman nabi-nabi terdahulu.

Selain itu, penulis turut membuat kajian dan tinjauan yang terperinci berkaitan dengan kajian lapangan penulis di Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan. Sampel kajian terdiri daripada kakitangan Muslim jabatan tersebut meliputi lelaki dan wanita. Perbincangan hanya ditumpukan kepada kefahaman kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara di Putrajaya sahaja tanpa

membandingkannya secara langsung dengan kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara di cawangan atau negeri lain.

Sampel ini menggambarkan populasi dan pengambilannya adalah secara “persampelan rawak mudah” iaitu setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.²⁵ Di sini penulis mengemukakan data dan statistik yang lengkap hasil daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan tajuk sebagaimana yang telah ditetapkan.

1.6 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi ialah ilmu tentang mengadakan penelitian.²⁶ Ia berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘methodos’ yang bererti cara dan ‘logos’ yang bererti ilmu.²⁷ Jadi metodologi bererti ilmu tentang cara. Metodologi merupakan suatu masalah penting dalam pengkajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.²⁸

Penyelidikan pula ialah sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku, telah dan akan berlaku bagi menambah

²⁵ Deobold B. Van Dalen (1979), *Understanding Educational Research*. United States of America: McGraw, hal. 131; lihat juga Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 73.

²⁶ Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Jogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hal. 51.

²⁷ Koenjaraningrat (1989), *Metode-metode Penyelidikan Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, hal. 7.

²⁸ *Ibid.*

pengetahuan.²⁹ Selain itu ia juga boleh ditakrifkan sebagai satu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.³⁰

Sesuatu disertasi itu menjadi lebih ilmiah, efektif dan bermutu tinggi bukan sahaja kerana pengolohan dan isi yang baik tetapi juga kerana menggunakan metod-metod yang sesuai. Terdapat beberapa teknik penyelidikan yang digunakan dalam sesuatu penulisan disertasi. Di antara teknik-teknik penyelidikan yang digunakan ialah:

- a. Penyelidikan perpustakaan (*library research*).
- b. Penyelidikan lapangan (*field research*).
- c. Penyelidikan makmal (*laborirarium research*).

Secara umumnya dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah yang pertama dan kedua iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Bagi menyiapkan kajian ini, penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan bahan-bahan dan data-data yang lengkap berkenaan dengan tajuk yang telah dipilih oleh penulis. Data-data tersebut telah diambil daripada buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas kerja dan lain-lain.

Di antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis ialah:

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- c. Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi Mara

²⁹ Mohd Sheffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 12.

³⁰ Sidek Mohd Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, hal. 2.

- d. Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- e. Perpustakaan Awam Pusat Islam.
- f. Perpustakaan Peringatan Kuala Lumpur.

Untuk mencapai matlamat penyelidikan, penulis menggunakan beberapa metod penyelidikan. Antaranya ialah metod pengumpulan data dan metod analisis data.

1.6.1 Metod pengumpulan data

Adalah penting bagi penyelidik mendapatkan data yang sempurna dan relevan untuk mengelakkan daripada membuat kesilapan interpretasi.³¹ Ia merupakan sumber utama bagi setiap penulis untuk memulakan penulisan dan penyelidikan mereka. Untuk menyiapkan penulisan ini, penulis telah mengumpulkan data-data yang diperolehi daripada sumber-sumber tertentu yang telah diteliti oleh penulis sebelum ia dicatat dalam kajian ini.

Dalam usaha untuk mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah. Antaranya ialah:

³¹ Mohd Sheffie Abu Bakar (1987), *op. cit.*, hal. 34.

1.6.1.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan merupakan teknik yang mana seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.³² Penulis telah menggunakan kaedah ini sebagai metod utama menerusi pengumpulan bahan-bahan seperti buku-buku, kertas kerja, majalah, jurnal dan sebagainya yang terdapat di perpustakaan. Antara metod yang digunakan ialah:

(a) Metod historis (persejarahan)

Metod ini merupakan suatu bentuk penyelidikan mengaplikasikan teknik pemecahan dan penghuraian secara ilmiah dari perspektif sejarah terhadap sesuatu masalah atau perkara. Dalam kajian ini penulis akan membawakan kisah-kisah kerjaya wanita di zaman nabi-nabi.

Kisah-kisah yang dipaparkan ialah yang menyentuh soal-soal yang melibatkan sumbangan dan peranan wanita di zaman tersebut dalam pelbagai lapangan. Antaranya termasuklah dalam lapangan pekerjaan. Penulis menggunakan metod ini dalam bab kedua dan ketiga

³² *Ibid.*, hal. 41.

(b) Metod dokumentasi

Metod dokumentasi pula bertujuan untuk membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara atau dokumen-dokumen dan bahan-bahan bertulis yang ada hubungannya dengan permasalahan yang dikaji. Metod ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah-masalah yang diteliti.

Antara dokumen-dokumen yang penulis gunakan untuk kajian ini ialah al-Quran, hadis, risalah, majalah, akhbar dan sebagainya. Metod ini digunakan dalam bab pertama hingga bab ketiga.

1.6.1.2 Kaedah Penyelidikan Lapangan

Kajian ini turut melibatkan penyelidikan lapangan. Menerusi kaedah ini penulis menemui sendiri pihak yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Di sini penulis mengedarkan borang soal selidik (sila lihat lampiran 2) kepada 300 kakitangan Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk mendapatkan data yang tepat. Mereka terdiri daripada kakitangan Muslim jabatan tersebut meliputi semua peringkat. Responden yang dipilih telah memberikan satu input yang memuaskan bagi menjawab segala persoalan dan hipotesis. Untuk menjelaskan perkara di atas, penulis secara terperinci menggunakan metod observasi.

Metod observasi merupakan cara pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek. Penelitian ini termasuklah pemerhatian penulis semasa membuat kajian. Metod ini bertujuan untuk melengkapkan data dan menilai hipotesis yang dibuat.

;

1.6.2 Metod Analisis Data

Melalui metod ini, kaedah yang lebih khusus digunakan. Antaranya ialah:

1.6.2.1 Metod Induktif

Metod ini adalah satu kaedah dengan membuat kesimpulan dari maklumat khusus kepada umum.³³ Dalam kajian ini penulis mendapatkan data-data yang berkaitan dengan aspek-aspek penting penglibatan wanita dalam kerjaya untuk mendapatkan natijah yang bersifat umum dari sudut agama dan moral.

1.6.2.2 Metod deduktif

Metod ini bermaksud penulis menggunakan data yang bersifat umum untuk membuat satu kesimpulan yang bersifat khusus.³⁴ Di sini penulis menggunakan beberapa data yang diperolehi secara umum melalui sumber-sumber data seperti pandangan dan pendapat responden berkaitan dengan persoalan kebebasan wanita bekerja. Akhirnya satu rumusan dapat dibuat tentang

³³ Sidek Mohd Noah (2000), *op. cit.*, hal. 6.

³⁴ *Ibid.*, hal. 5.

kefahaman kakitangan Muslim dalam soal kebebasan wanita bekerja secara lebih akademik dan ilmiah.

1.6.2.3 Metod komparatif

Metod ini bermaksud penulis membuat satu kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data atau kes-kes yang diperolehi ketika kajian ini dibuat. Sebagai contoh, penulis membandingkan latar belakang responden yang berbeza dengan kefahaman mereka terhadap kebebasan wanita berkerjaya. Hasil daripada perbandingan tersebut, satu kesimpulan yang munasabah dapat dibuat.

1.7 HIPOTESIS

Beberapa hipotesis atau andaian dapat dibuat mengenai hasil penyelidikan yang akan diperolehi nanti. Antaranya ialah:

- i. Islam amat menitik beratkan keharmonian hidup yang berlandaskan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk semua umatnya tanpa mengira perbezaan jantina.
- ii. Kemungkinan kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara Putrajaya memahami konsep kebebasan wanita bekerja menurut pandangan Islam serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.
- iii. Kemungkinan latarbelakang yang berbeza sama ada dari segi jantina, usia, status perkahwinan serta taraf pendidikan boleh mempengaruhi

masyarakat Islam dalam memahami konsep kebebasan wanita bekerja menurut pandangan Islam.

1.8 KAJIAN LEPAS

Isu mengenai wanita bekerja menurut pandangan Islam sering mendapat perhatian sama ada oleh ulama terdahulu mahupun sekarang. Di sini penulis mengemukakan pandangan beberapa orang ulama dan penyelidik yang membahaskan tentang perkara ini. Antaranya ialah Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī, 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn, Muḥammad al-Sayyid Muḥammad al- Za'balāwī, Dr. Faisal Haji Othman dan beberapa orang lagi.

Al-Qaraḍāwī (1996), dalam bukunya yang berjudul *Markaz al-Mar'ah fī al-Hayāh al-Islāmiyyah*³⁵ membahaskan tentang keharusan wanita bekerja kerana tiada nas syarak yang secara mutlak mengharamkan penglibatan wanita dalam kerjaya. Namun beliau menegaskan wanita yang bekerja tidak boleh terkeluar dari syariat yang telah ditetapkan.

'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn(1986)³⁶ pula menegaskan wanita yang bekerja mesti memenuhi lima syarat yang telah ditetapkan iaitu menutup aurat, mendapat izin wali atau suami, aman daripada fitnah, pekerjaan yang sesuai dengan fitrah wanita dan tidak mencabar kedudukan lelaki.

³⁵ Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1996), *Markaz al-Mar'ah fī al-Hayāh al-Islāmiyyah*. Kaerah: Maktabah Wahbah.

³⁶ 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *'Amal al-Mar'ah wa Mawqif al-Islām Minhu*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā'.

Sementara itu al-Za'balāwī(1984)³⁷ menyatakan Islam tidak mewajibkan wanita menceburi lapangan pekerjaan dan dalam masa yang sama tidak pula mengharamkannya. Namun beliau berpendapat, wanita hanya diharuskan bekerja dalam keadaan darurat atau terpaksa. Contohnya apabila suami sakit atau meninggal dunia dan tiada harta yang mencukupi untuk menampung keperluan hidup.

Dr. Kāmiliyā Ibrāhīm 'Abd al-Fatāh pula membicarakan kesan wanita bekerja menerusi bukunya yang berjudul *Sikulūjiyyah al-Mar'ah al-Āmilah*. Beliau menyatakan wanita bekerja turut memberikan beberapa impak terutamanya terhadap keluarga. Ini termasuklah saiz keluarga yang lebih kecil, kesan dalam perhubungan suami isteri serta kesan terhadap pendidikan anak-anak.³⁸

Faisal Haji Othman (1993)³⁹ menjelaskan Islam sebagai suatu agama yang praktikal tidak pernah menghalang penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan di luar rumah. Ini terbukti melalui penglibatan wanita Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu Islam turut menjamin persamaan hak untuk setiap pekerja selain melarang keras sebarang bentuk eksploitasi atau diskriminasi terhadap kaum wanita.

³⁷ Muḥammad al-Sayyid Muḥammad al-Za'balāwī (1984), *al-Umūmah fī al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Nabawīyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

³⁸ Dr. Kāmiliyā Ibrāhīm 'Abd al-Fatāh (1984), *Sikulūjiyyah al-Mar'ah al-Āmilah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.

³⁹ Dr. Faisal Haji Othman (1993), *Woman, Islam and Nation Building*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Para sarjana Barat turut membuat kajian tentang isu yang berkaitan dengan wanita bekerja. Antaranya ialah Lois Wladis Hoffman (1974)⁴⁰ dan Jessie Bernard (1975)⁴¹ yang membicarakan faktor-faktor yang mendorong wanita bekerja. Mereka berpendapat antara faktor tersebut ialah kerana wanita ingin menambah pendapatan keluarga, rasa jemu tinggal di rumah selepas anak-anak bersekolah ditambah dengan kemajuan teknologi yang memudahkan mereka melakukan kerja-kerja domestik di rumah.

Di peringkat ijazah sarjana muda banyak penyelidikan yang telah dibuat berkaitan dengan wanita dan kerjaya menurut perspektif Islam. Antaranya ialah Maisarah Abd Rahim menerusi kertas projeknya.⁴² Beliau menyarankan untuk mewujudkan kerjaya yang selamat bagi wanita Islam beberapa langkah yang wajar perlu diambil. Antaranya seperti mengadakan sistem kerja separuh masa, menyediakan pusat asuhan yang berdekatan dengan tempat kerja dan membuat kajian bagi mewajibkan pekerja wanita menutup aurat.

Terdapat juga kajian yang telah dibuat di peringkat ijazah sarjana. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Erneza Mohd Talhah menerusi disertasi beliau yang bertajuk "Wanita Profesional Melayu: Satu Kajian Kes Terhadap Penduaan Peranan".⁴³ Menurut penyelidikan beliau wanita Melayu yang berkerjaya khususnya kerjaya profesional seperti arkitek, jurutera dan

⁴⁰ Lois Wladis Hoffman (1974), "Psychological Factors" dalam Lois Wladis Hoffman *et al.* (ed), *Working Mothers*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

⁴¹ Jessie Bernard (1975), *Women, Wives, Mothers*. New York: Aldine Publishing Company.

⁴² Maisarah Abd Rahim (2002), "Wanita dan Kerjaya Menurut Perspektif Islam: Suatu Tinjauan di Kota Bharu Kelantan" (Kertas Projek, Program Pengajian Islam Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴³ Erneza Mohd. Talhah (1997), "Wanita Profesional Melayu; Satu kajian Kes Terhadap Penduaan Peranan" (Disertasi, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

pengaturcara program komputer berjaya memainkan dua peranan dalam satu masa iaitu sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga. Kajian ini juga mendapati wanita berkerjaya masih lagi meletakkan rumahtangga di tempat yang pertama. Komitmen mereka terhadap pekerjaan hanya di tahap sederhana sahaja.

Mohd. Shafie Ngah (1995)⁴⁴ menyatakan, wanita Malaysia khususnya wanita Melayu telah berkembang dan membangun bersama arus pemodenan negara. Rata-rata masyarakat telah menerima penglibatan kaum wanita di luar rumah sama ada di sektor pekerjaan awam mahupun swasta. Namun begitu pada prinsipnya seorang wanita tetap tidak terlepas dari peranan asasinya sama ada sebagai seorang anak, isteri mahupun ibu.

1.9 MASALAH KAJIAN

Dalam proses menyiapkan penyelidikan ini, penulis berhadapan dengan beberapa masalah yang kadangkala membantutkan kelancaran proses menyiapkan penulisan ini. Antaranya ialah:

- i. Kesukaran mendapatkan bahan-bahan rujukan asli terutamanya karya penulis-penulis terdahulu. Penulis terpaksa berkunjung ke beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkannya. Antaranya termasuklah Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁴⁴ Mohd Shafie Ngah (1995), "Kedudukan Wanita Dalam Parlimen Malaysia: Kajian Pendekatan Dengan Institusi Syura Dalam Islam" (Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

- ii. Kurangnya kerjasama yang diberikan oleh responden untuk mengisi borang soal selidik. Ini menyebabkan tempoh sebenar pengedaran borang tersebut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh penulis terpaksa dilanjutkan sehingga beberapa bulan lagi. Bilangan responden yang memberi respons juga kurang memuaskan. Ini memaksa penulis mengedarkan borang tersebut berulang kali untuk mendapatkan bilangan responden yang mencukupi dan dianggap mewakili keseluruhan sasaran kajian.

Kesimpulannya penulis cuba untuk menyelidik masalah kajian supaya menepati objektif penyelidikan dengan berpandukan kepada sumber dan kaedah yang terbaik. Selain itu penulis cuba mengenal pasti apakah hipotesis penulis terdahulu menjadi kenyataan atau sebaliknya.